

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



ROKOK DAN VAPE MENGUNDANG KRISIS KESIHATAN

Dayangku Ruhayah Awang Bolhan, Siti Aimi Mohamad Yasin, Nur Izyan Ismail, Saifulrizan Norizan, Azura Ahmad
Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan,
94300 Kota Samarahan, Sarawak

saifulrizan@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

Rokok sudah menjadi sebahagian kehidupan manusia sejak sekian lama. Sejak abad ke-18, ia menjadi semakin komersial dan dipasarkan secara meluas. Rokok elektronik atau vape diperkenalkan di China pada tahun 2003 dan bermula dari situ, ia berkembang di pasaran. Penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja di Malaysia menunjukkan peningkatan mendadak dari 9.8% pada tahun 2017 kepada 14.9% pada tahun 2022.

Ramai orang beranggapan rokok elektronik lebih selamat kerana asap disedut kononnya tidak memberi kesan yang besar kepada paru-paru. Namun hakikatnya, rokok elektronik mengandungi nikotin. Otak kanak-kanak dan remaja yang masih sedang berkembang paling terdedah kepada kesan risiko rokok elektronik ini. Kajian menunjukkan apabila individu mula merokok pada usia muda, mereka akan menjadi ketagih dan kekal sebagai perokok sehingga dewasa ke usia tua. Penjualan rokok elektronik mencapai berbilion ringgit keuntungan dan semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Realitinya, rokok sahaja sudah mengakibatkan kematian lebih 27,000 rakyat Malaysia setiap tahun walaupun hakikatnya penggunaan rokok elektronik meningkat sementara penggunaan rokok menurun. Apa yang lebih membimbangkan adalah remaja perempuan cenderung kepada penggunaan rokok elektronik, ingin mencuba dan menunjukkan penerimaan yang tinggi disebabkan oleh sifat ingin tahu, gaya hidup, dan daya tarikan perasa yang pelbagai. Berdasarkan sumber National Health Morbidity

Survey (NHMS) 2022 menunjukkan graf penggunaan rokok elektronik adalah 14.9% dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun. Apa yang paling membimbangkan mereka mudah terpengaruh dengan promosi rokok elektronik oleh artis, selebriti dan pengengaruh di media sosial yang mengaitkan penggunaan rokok elektronik sebagai gaya hidup yang mengikut tren semasa.

Rokok elektronik mengandungi kandungan utama yang membahayakan kesihatan samada pada jangka masa pendek ataupun panjang seperti Nikotin, Propylene Glycol (PG), Glycerin dan bahan perisa.

Nikotin merupakan hasil tembakau yang menyebabkan ketagihan, iaitu sejenis gangguan otak kronik. Malah, perisa cecair nikotin yang ditawarkan mengandungi beberapa bahan kimia berbahaya seperti toluena, asetaldehid, benzena, kadmium, isoprena, nikel,



Gambar 1: Rokok elektronik atau vape yang dipasarkan dengan pelbagai perisa
(Sumber: Laman Web Majalah Sains)



Gambar 2: Pelbagai jenis bentuk dan variasi vape yang terdapat di pasaran

(Sumber: Laman Web MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia)

plumbum dan N-nitrosomonocotine. Kandungan nikotin dalam rokok elektronik akan mempengaruhi kelajuan degupan jantung dan menaikkan tekanan darah (Schaller et al, 2013). Menurut Yuan et al. 2015, pendedahan otak kepada nikotin semasa remaja amat berbahaya kerana zaman remaja adalah peringkat kritikal perkembangan otak dan mencetus kepada laluan penyalahgunaan dadah.

Propylene glycol (PG) boleh menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan seperti iritasi kepada mata, tekak dan saluran pernafasan (Wielander et. al., 2001, Vardavas et. al., 2012) manakala kesan jangka panjang boleh menyebabkan penyakit asma (Choi et. al., 2010). Manakala, gliserin merupakan satu bahan yang selamat di mana ia digunakan di dalam sabun, krim muka dan banyak lagi. Namun begitu menyedut gliserin ke dalam saluran pernafasan boleh memberikan kesan jangka panjang kepada kesihatan.

Bahan perisa yang digunakan dalam rokok elektronik juga

boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Menurut Bahl et. al., 2012 mendapati cecair rokok elektronik mampu membunuh sel iaitu sel paru-paru, otak dan lapisan kulit.

Kerajaan sudah membelanjakan berbilion ringgit setahun bagi merawat pesakit yang menderita akibat merokok dan penggunaan rokok elektronik. Ini termasuk usaha daripada Kementerian Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan di lebih 900 klinik berhenti merokok yang terdiri daripada klinik kesihatan, farmasi dan komuniti. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan selama bertahun-tahun oleh kerajaan, kadar kejayaan berhenti merokok masih kekal rendah.

Kesimpulannya, langkah pencegahan adalah sentiasa lebih baik daripada merawat. Usaha untuk menghentikan tabiat merokok dan menghisap rokok elektronik harus dilakukan dari awal dan secara serius oleh semua pihak, bermula dari peranan ibu bapa di rumah sehinggalah kepada tanggungjawab bersama

antara masyarakat dan kerajaan. Ketagihan rokok dan rokok elektronik sudah dibuktikan dalam banyak kajian sebagai pembuka laluan kepada tabiat penyalahgunaan dadah dan bahan larangan. Maka, tabiat ini perlu dibendung dari awal agar tidak mencetuskan lebih banyak masalah kesihatan yang kritikal pada masa hadapan.

Rujukan

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/04/1095101/pegunaan-vape-berleluasa-boleh-cetus-krisis-kesihatan-awam>

<https://www.hmetro.com.my/muatakhir/2023/10/1018700/vape-hanya-merosakkan-generasi-muda-malaysia>

<https://www.utusan.com.my/terkini/2023/05/penggunaan-rokok-elektronik-vape-meningkat-mendadak-dalam-kalangan-remaja/>

<https://jknperlis.moh.gov.my/v3/index.php/info-kesihatan/42-vape-rokok-elektronik-bukan-sekadar-wap-air>

Razali, S. H., & Hamsan, H. H. Penyalahgunaan Bahan Dalam Kalangan Belia di Malaysia.

Subri, I. M., & Zulkiple, F. (2016). Analisis Fatwa Semasa di Malaysia: Pandangan Pakar dalam Keputusan Hukum Pengharaman Vape. In Kertas kerja Pembentangan, Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari.